

Headline	Tabung Khas Hakmilik Strata bantu selesai isu pemilikan bangunan lama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Mar 2021	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	7	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	168 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,832
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,496



Tabung Khas Hakmilik Strata bantu selesai isu pemilikan bangunan lama

Kuala Lumpur: Kerajaan menubuhkan Tabung Khas Hakmilik Strata bagi membantu menyelesaikan isu pemilikan bangunan lama berstrata yang dikenali bangunan khas di Semenanjung, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata, penubuhan tabung itu juga bagi membantu pemilik rumah bangunan khas terutama golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) menemui jalan penyelesaian pemilikan berstrata kediaman masing-masing.

“Antara manfaat Tabung Khas Hakmilik Strata ialah membantu pembeli kediaman bangunan khas terutama kediaman yang berkategori kos rendah untuk mendapatkan hak milik strata.

“Selain itu, penyelesaian pendaftaran hak milik strata bagi bangunan khas akan memudahkan urusan niaga hartanah bangunan khas,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, beliau berkata, sumbangan badan korporat kepada Tabung Khas Hak Milik Strata berupaya menyelesaikan dilema yang sering membelenggu penduduk rumah kos rendah, dengan Lembaga Juruukur Tanah Malaysia antara penyumbang pertama tampil menyalurkan dana menerusi tabung berkenaan.

Katanya, sumbangan bernilai RM2 juta itu kemudian diperuntukkan untuk menyelesaikan hak milik strata kepada beberapa skim perumahan di tiga negeri dan Kuala Lumpur.

“Sumbangan Lembaga Juruukur Tanah Malaysia diharapkan menjadi pemangkin kepada badan korporat lain untuk turut menyumbang kepada Tabung Khas Hakmilik Strata bagi membantu penduduk rumah kos rendah untuk mendapatkan hak milik strata.

“Tabung ini boleh menerima peruntukan daripada kerajaan dan sumbangan mana-mana pihak, perseorangan, swasta, institut atau entiti dalam dan luar negara.

“Penyumbang boleh mendapat penolakan cukai 100 peratus secara terus mengikut subseksyen 44(G) Akta Cukai Pendapatan 1967,” katanya.

Bangunan khas meliputi struktur yang tiada dokumen Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) atau Sijil Layak Menduduki (CF) dan diduduki sebelum Jun 1996, menerusi perakuan automatik atau dari Jun 1996 hingga 11 April 2007, susulan perakuan daripada pihak berkuasa negeri.